

Meningkatkan Kemahiran Mengenal Pasti Komponen-Komponen dalam Ayat Tunggal Pengajian Cina

oleh

Chiang Lee Kwun
Maktab Perguruan Perlis

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk membantu guru pelatih meningkatkan kemahiran mengenal pasti komponen-komponen ayat dalam ayat tunggal Pengajian Cina dengan mengenal pasti bentuk pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru pelatih. Guru pelatih semester 3 Pengajian Cina sering menghadapi masalah mengenal pasti komponen-komponen ayat tunggal Pengajian Cina walaupun mereka telah mempelajari kemahiran ini semasa di sekolah menengah. Oleh itu, satu kajian tindakan perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran tersebut. Kajian ini melibatkan 34 orang responden yang terdiri daripada guru pelatih kumpulan 3PC/MT (Pengajian Cina/Matematik) dan 3 PC/KH (Pengajian Cina/Kemahiran Hidup). Segala data yang diperlukan untuk analisis dan interpretasi diperolehi melalui ujian pra, ujian pasca, soal selidik dan temubual berstruktur. Teknik 'mnemonic' diperkenalkan dan digunakan untuk mengenal pasti komponen-komponen ayat dalam ayat tunggal Pengajian Cina. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa teknik 'mnemonic' dapat membantu guru pelatih mengenal pasti komponen-komponen ayat dalam ayat tunggal dan ini dibuktikan dengan peningkatan skor min responden dalam ujian pasca dan hasil dapatan soal selidik dan temubual berstruktur. Hasil kajian ini juga menunjukkan walaupun teknik 'mnemonic' dapat membantu meningkatkan kemahiran guru pelatih mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal, tetapi ia perlu disusul dengan latihan yang banyak dan perbincangan yang lebih supaya guru pelatih lebih berkeyakinan untuk menjawab soalan berhubung dengan kemahiran ini. Di samping itu, cara seperti membuat kad-kad komponen ayat untuk dibawa dan dirujuk juga perlu dipertimbangkan supaya guru pelatih dapat mengingati komponen-komponen ayat dengan lebih baik.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat merupakan salah satu kemahiran yang utama dalam pembelajaran Tatabahasa Pengajian Cina. Komponen-komponen ayat ini dibahagikan kepada enam jenis iaitu zhuyu, weiyu, binyu, dingyu, zhuangyu dan buyu. Zhuyu, weiyu dan binyu merupakan komponen utama kepada ayat, manakala dingyu, zhuangyu dan buyu merupakan komponen sampingan. Keenam-enam komponen ini boleh terdiri daripada perkataan atau frasa. Dengan menguasai kemahiran mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat

seseorang akan dapat memahami struktur ayat dan maksud ayat dengan lebih baik. Di samping itu, kemahiran ini juga membantu mempertingkatkan keupayaan seseorang mengenal pasti struktur ayat yang lengkap dan dapat memastikan kombinasi komponen-komponen ayat yang digunakan adalah baku.

Kemahiran mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat ini telah diperkenalkan seawal Tingkatan 2, Tingkatan 3, Tingkatan 4 dan seterusnya Tingkatan 5. Ia dinilai secara langsung dalam peperiksaan PMR dan SPM. Di maktab perguruan, kemahiran ini dimasukkan dalam sukatan Semester 3. Daripada 15 jam yang diperuntukkan kepada pengajaran tatabahasa, kemahiran ini telah diperuntukkan 7 jam. Dalam peperiksaan akhir semester 3, kemahiran ini diuji dalam bentuk soalan objektif dan soalan struktur.

PERNYATAAN MASALAH

Sepanjang tempoh pengajaran tatabahasa Pengajian Cina Semester 3, penyelidik dapati kemahiran mengenal pasti komponen-komponen ayat agak sukar dikuasai oleh guru pelatih. Justeru itu terdapat di antara mereka yang tidak berkeyakinan untuk menjawab soalan yang berhubung dengan kemahiran ini.

Melalui sesi soal-jawab dengan guru pelatih, penyelidik diberitahu bahawa guru pelatih menghadapi masalah mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal terutamanya jika ayat itu agak panjang. Mereka juga menghadapi masalah ini jika komponen-komponen dalam ayat itu agak kompleks.

RASIONAL KAJIAN

Kajian ini perlu dilakukan bagi mengenal pasti cara terbaik untuk menguasai kemahiran ini. Dengan menguasai kemahiran ini, guru pelatih akan lebih berkeyakinan semasa menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal. Ini seterusnya akan mempertingkatkan lagi profesion perguruan mereka. Di samping itu, penyelidik juga berhasrat berkongsi pengalaman dan dapatan kajian tindakan ini dengan guru-guru Bahasa Cina sekolah menengah di negeri Perlis untuk menambahbaik lagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk

1. Mengetahui kelemahan guru pelatih dalam menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal Pengajian Cina.
2. Mengetahui bentuk pengajaran yang boleh diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh guru pelatih.

3. Menilai keberkesanan tindakan yang diambil bagi mengatasi aspek kelemahan dalam mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal Pengajian Cina.

PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah kelemahan atau masalah yang dihadapi oleh guru pelatih dalam kemahiran mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal Pengajian Cina?
2. Apakah bentuk pengajaran dan pembelajaran yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal Pengajian Cina dikalangan guru pelatih 3 PC/KH dan 3 PC/MT?
3. Sejauh manakah keberkesanan tindakan bagi meningkatkan kemahiran mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal Pengajian Cina?

KESIGNIFIKANAN KAJIAN

Diharap kajian ini dapat memberi maklumbalas kepada pihak-pihak berikut:

1. Guru Pelatih
Adalah diharap kajian ini dapat membantu meningkatkan kemahiran guru pelatih dalam mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal.
2. Pensyarah
Hasil dapatan kajian ini juga diharapkan dapat menambahbaikkan amalan Pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran tatabahasa Pengajian Cina.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada 34 responden semester 3 kumpulan 3 PC/KH dan 3 PC/MT, maka generalisasi, tafsiran, cadangan dan saranan yang dibuat tidak sesuai untuk mana-mana pihak lain walaupun sama-sama terlibat dalam pendidikan guru, kecuali jika pihak yang terlibat mempunyai ciri-ciri yang sama.


Masa yang terhad dan faktor-faktor lain seperti pengetahuan sedia ada dan motivasi guru pelatih juga kemungkinan mempengaruhi ketepatan dan keunggulan kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk kajian

Kajian ini mengaplikasikan kajian tindakan (Model Kemmis dan Mc Taggart 1992) seperti rajah 1 yang di bawah:

Rajah 1: Model Kemmis dan Mc Taggart



Dalam menjalankan penyelidikan ini, penyelidik telah melaksanakan tindakan mengikut langkah-langkah berikut:

- a. Pada peringkat awal penyelidik telah membuat tinjauan terhadap kelemahan guru pelatih mengenal pasti komponen-komponen ayat dalam ayat tunggal dengan cara bersoal-jawab dan menjalankan ujian pra.

- b. Setelah dikesan beberapa kelemahan, penyelidik cuba mencari jalan penyelesaian dengan membuat perancangan yang lebih rapi dalam pengajaran dan memperkenalkan ‘mnemonic’ untuk membantu guru pelatih meningkatkan kemahiran mereka mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal.
- c. Pengajaran dan pembelajaran dijalankan dan ‘mnemonic’ diperkenalkan untuk memudahkan guru pelatih mengenal pasti komponen-komponen ayat dalam ayat tunggal.
- d. Data-data daripada ujian pra dan ujian pasca, borang soal selidik dan temubual berstruktur dikumpul dan dianalisis.
- e. Penyelidik membuat refleksi untuk mengetahui keberkesanan tindakan yang telah diambil.

Responden

Responden kajian yang terlibat ialah 34 orang guru pelatih semester 3 kumpulan 3 PC/KH (Pengajian Cina/Kemahiran Hidup) dan 3 PC/MT (Pengajian Cina/Matematik). Kedua-dua kumpulan ini dipilih kerana kuliah mereka adalah berpandukan kepada sukatan pelajaran semester 3 dan adalah dibawah bimbingan penyelidik.

Instrumen kajian

Dalam kajian ini ujian pra dan pasca, soal selidik dan temubual berstruktur digunakan.

Ujian pra dan ujian pasca

Ujian pra dijalankan untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang keupayaan guru pelatih menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal. Ujian pasca diadakan dengan menggunakan soalan yang sama seperti ujian pra. Ujian pra meliputi 15 soalan dan begitu juga dengan ujian pasca.

Soal selidik

Satu set soal selidik menggunakan *skala likert* yang terdiri daripada 7 item (rujuk lampiran A) digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang pengalaman guru pelatih menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal dan keberkesanan teknik menganalisis ayat dan ‘mnemonic’ bagi membantu guru pelatih menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal. Soal selidik telah diberikan kepada responden selepas mereka menduduki ujian pasca. Skalanya seperti berikut:

1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Tidak pasti
4	Setuju
5	Sangat setuju

Temubual

Temubual berstruktur disediakan. Soalan temubual berstruktur dijalankan bagi mendapatkan maklumat sokongan kepada soal selidik yang dijalankan. Dalam kajian ini terdapat 4 soalan temubual. Soalan temubual ini direkabentuk berdasarkan soalan soal selidik. Sebanyak 17 responden dipilih secara rawak untuk menjawab soalan temubual.

Teknik analisis dapatan kajian

Data yang dikumpul dianalisis dengan peraturcaraan *Statistical Package For Social Sciences*. Markah ujian pra dan pasca dianalisis dengan mencari kekerapan, peratus, min, sisihan piawai dan ujian “Paired Sample *t* Test” untuk membandingkan min ujian pra dan ujian pasca. Dapatan daripada soal selidik dianalisis secara min dan sisihan piawai. Manakala temubual dianalisis dengan membuat rumusan pola.

TINJAUAN AWAL

Satu sesi bersoal jawab dan ujian pra mengenai kemahiran mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal bagi guru pelatih semester 3PC/KH dan 3 PC/MT diadakan untuk menentukan tahap pencapaian guru pelatih terhadap kemahiran tersebut. Hasil bersoal jawab dengan guru pelatih telah menunjukkan bahawa kelemahan utama guru pelatih adalah seperti berikut:

- keliru terhadap ayat yang agak panjang.
- susah hendak mengenal pasti komponen-komponen yang terdapat dalam ayat yang kompleks.

Kelemahan ini dapat disokong dengan penelitian dari penyelidik semasa memeriksa ujian pra yang diadakan kepada mereka.

RANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

Perancangan tindakan

Berdasarkan kepada tinjauan awal yang telah dibuat, penyelidik merancang satu sesi pengajaran dan pembelajaran dan memperkenalkan teknik “mnemonic” untuk meningkatkan kemahiran guru pelatih mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat. Sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan selama 3 jam dalam masa 2 hari. Hari pertama selama 1 jam dan hari kedua selama 2 jam berturut-turut. “Mnemonic” adalah satu teknik yang berkesan untuk membantu peringatan. Dalam “mnemonic” ini, hanya fakta-fakta penting sahaja dimasukkan dan fakta-fakta penting ini disusun dalam bentuk yang senang dihafal.

Pelaksanaan tindakan

Dalam melaksanakan kajian ini penyelidik telah merancang pelaksanaannya mengikut jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Tempoh dan Pelaksanaan Tindakan

Tempoh	Pelaksanaan
9 Mac 2004 (1 jam)	<ul style="list-style-type: none"> • Bersoal jawab dengan guru pelatih tentang kelemahan mereka dalam menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat dan dicatat oleh penyelidik. • Ujian pra diberikan kepada guru pelatih untuk dijawab dan dianalisis oleh penyelidik.
9 Mac 2004 (1 jam)	<ul style="list-style-type: none"> • Menerang dan membincang ciri-ciri setiap komponen (zhuyu, binyu, weiyu, dingyu, zhuangyu dan buyu) dalam ayat dengan guru pelatih supaya mereka mendapat gambaran yang lebih jelas tentang ciri-ciri setiap komponen itu.
10 Mac 2004 (2 jam)	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkenalkan dan menerangkan struktur ayat yang mempunyai komponen-komponen yang kompleks. Penyelidik juga menerangkan hubungan setiap komponen dalam ayat dengan menggunakan jadual perhubungan. • Membahagikan pelatih kepada 7 kumpulan dengan tujuan membolehkan mereka berbincang dan membantu antara satu sama lain. Setiap kumpulan diberi 2 soalan yang sama. Salah satu soalan berbentuk mengisi komponen-komponen ayat dan satu soalan lagi berbentuk mengembangkan ayat dengan menambahkan komponen-komponen ayat seperti dingyu, zhuangyu dan buyu. Selepas perbincangan, setiap kumpulan dikehendaki membentangkan hasil perbincangan mereka di hadapan bilik kuliah. • Memperkenalkan dan menerangkan “mnemonic” kepada guru pelatih. Mengajar guru pelatih membaca “mnemonic” itu dengan rentak yang sesuai disamping menepuk tangan mereka. Latihan ini diulang beberapa kali. • Soalan mengenal pasti komponen-komponen (zhuyu, weiyu, binyu, dingyu, zhuangyu dan buyu) dalam ayat telah diberikan kepada guru pelatih untuk dijawab secara individu. Mereka digalakkan menjawab soalan yang

Tempoh	Pelaksanaan
	diberi dengan menggunakan teknik “mnemonic” yang baru diajar.
11 Mac 2004 (45 minit)	<ul style="list-style-type: none"> • Ujian pasca telah dijalankan untuk menguji keberkesanan tindakan.
15 Mac 2004	<ul style="list-style-type: none"> • 17 orang responden dari kumpulan 3 PC/KH dan 3 PC/MT telah dipilih secara rawak untuk menjalankan temubual berstruktur. • Borang temubual berstruktur dikumpul pada keesokan hari.

ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA

Analisis ujian pra dan pasca

Jadual 2
Keputusan Ujian Pra dan Pasca

Markah	Gred	Ujian Pra	Ujian Pasca
		Bilangan responden (%)	Bilangan responden (%)
-100	D	-	-
0	F	-	-
20	E	3 (8.8)	-
30	D	2 (5.9)	-
40	D+	9 (26.5)	-
50	C-	5 (14.7)	-
55	C	3 (8.8)	2 (5.9)
60	C+	3 (8.8)	5 (14.7)
65	B-	-	4 (11.8)

Markah	Gred	Ujian Pra	Ujian Pasca
		Bilangan responden (%)	Bilangan responden (%)
70	B	3 (8.8)	7 (20.6)
75	B+	3 (8.8)	3 (8.8)
80	A-	3 (8.8)	13 (38.2)
90	A	-	-
Jumlah keseluruhan		34	34

Jadual 3

Ujian t Perbandingan Tahap Pencapaian Responden dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca

	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai <i>t</i>	Tahap Signifikan (P)
Ujian Pra	34	54.8	16.639	-7.591	0.00
Ujian Pasca	34	73.7	9.303		

Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian pra dan ujian pasca, manakala Jadual 3 menunjukkan ujian t perbandingan tahap pencapaian responden dalam ujian pra dan ujian pasca.

Berdasarkan Jadual 2, didapati 13 responden atau 38.2 % telah mendapat markah 80 atau 80 ke atas dalam ujian pasca berbanding dengan hanya 3 responden atau 8.8% dalam ujian pra. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 29.4% telah dicatat. Jadual 2 juga menunjukkan 19 responden atau 55.9% telah mendapat markah 50 atau 50 ke bawah, walau bagaimanapun peratus ini telah menurun dengan mendadak sehingga mencatatkan 0 responden atau 0% dalam ujian pasca.

Dari Jadual 3, min bagi ujian pra ialah 54.8 % manakala 73.7 % bagi ujian pasca. Perbezaan min ujian pasca dan ujian pra adalah signifikan dengan merujuk kepada ujian t di Jadual 3. Ini membuktikan bahawa tindakan yang diambil iaitu teknik pengajaran pensyarah dan “mnemonic” mampu meningkatkan kemahiran guru pelatih menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen (zhuyu, weiyu, binyu, dingyu, zhuangyu dan buyu) dalam ayat. Walaupun demikian, keberkesanan ini tidak menyeluruh tetapi kepada golongan yang tertentu sahaja kerana sisihan piawai yang ditunjukkan dalam Jadual 3 masih tinggi iaitu 9.303 ($SD > 1.000$).

Soal selidik

Jadual 4

Taburan Frekuensi dan Min Kesetujuan Terhadap Keberkesanan Tindakan

ITEM	1	2	3	4	5	Min	Sisihan Piawai
	N (%)	N (%)	N (%)	N (%)	N (%)		
Teknik mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat yang disampaikan oleh pensyarah membantu saya menjawab soalan.	-	-	1 (2.9)	21 (61.8)	12 (35.3)	4.32	0.5349
Membaca ayat dengan teliti sebelum menjawab soalan merupakan langkah yang penting.	-	-	-	5 (14.7)	29 (85.3)	4.85	0.3599
Membahagikan subjek dan prediket terlebih dahulu dapat membantu saya mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat dengan senang.	-	-	-	4 (11.8)	30 (88.2)	4.88	0.3270
Teknik 'mnemonic' membantu saya mengenal pasti kedudukan komponen-komponen dalam ayat dengan lebih mudah.	-	1 (2.9)	4 (11.8)	19 (55.9)	10 (29.4)	4.12	0.7288
Latihan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat membantu saya menjawab soalan dengan baik.	-	-	3 (8.8)	17 (50.0)	14 (41.2)	4.32	0.6382
Saya lebih yakin menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal dengan teknik menganalisis ayat dan 'mnemonic'	-	-	6 (17.6)	18 (52.9)	10 (29.4)	4.12	0.6860
Dengan adanya 'mnemonic', saya tidak terganggu semasa saya menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat.	-	2 (5.9)	11 (32.4)	17 (50.0)	4 (11.8)	3.68	0.7676
Purata keseluruhan						4.33	0.5774

Berdasarkan Jadual 4, didapati skor min bagi kesetujuan guru pelatih semester 3 PC/KH dan 3 PC/MT terhadap keberkesanan tindakan ialah 4.33 (SD =0.5774). Merujuk kepada interpretasi min yang diberi, dapat dirumuskan guru pelatih semester 3 PC/KH dan 3 PC/MT bersetuju bahawa tindakan yang diambil itu berkesan.

Analisis secara terperinci bagi setiap item dalam keberkesanan tindakan pula menunjukkan bahawa item “membahagikan subjek dan prediket terlebih dahulu dapat membantu saya mengenal pasti komponen-komponen ayat dengan senang” mencatatkan skor min yang tertinggi iaitu 4.88 (SD=0.3270), manakala item “dengan adanya ‘mnemonic’, saya tidak terganggu semasa saya menjawab soalan komponen-komponen ayat” menunjukkan skor min yang agak rendah iaitu 3.68 (SD=0.7676). Walau bagaimanapun skor min bagi semua item adalah pada tahap di mana guru pelatih bersetuju bahawa teknik yang digunakan dalam tindakan memberi kesan yang positif kepada mereka.

Analisis temubual berstruktur

Soalan temubual berstruktur telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat sokongan kepada soal selidik yang dijalankan. Dalam kajian ini terdapat 4 soalan temubual. Seramai 17 orang responden yang dipilih secara rawak telah ditemubual. Berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh guru pelatih semasa menjawab soalan berhubung dengan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat, seramai 9 atau 52.9 % menyatakan bahawa mereka berasa keliru dan tidak berkeyakinan untuk menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dan menghadapi masalah untuk mencari kata kunci komponen-komponen terutama ayat yang panjang. Manakala 8 orang responden atau 47.1 % menyatakan bahawa masalah mereka ialah tidak dapat mengenal pasti kedudukan komponen-komponen dalam ayat dengan tepat.

Dari respon yang dinyatakan di atas, analisis dapatan yang boleh dibuat ialah kebanyakan guru pelatih bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah semasa menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen ayat. Masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka adalah seperti yang berikut:

- keliru dan tidak berkeyakinan untuk menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat
- menghadapi masalah untuk mencari kata kunci komponen-komponen terutama ayat yang panjang
- tidak dapat mengenal pasti kedudukan komponen-komponen dalam ayat dengan tepat

Berhubung dengan pendapat mereka terhadap teknik mengenal pasti komponen-komponen ayat yang disampaikan oleh pensyarah membantu mereka menjawab soalan. Analisis dapatan menunjukkan 88.2 % bersetuju bahawa teknik yang disampaikan oleh pensyarah memang membantu mereka dengan memudahkan mereka mencari kata kunci komponen-komponen ayat, lebih berkeyakinan semasa menjawab dan memenuhi kehendak mereka, misalnya:

“Ya, teknik yang disampaikan oleh pensyarah dapat membantu saya menjawab soalan kerana ia memudahkan saya mencari kata kunci untuk menyelesaikan masalah”

(responden 13)

“Ya, teknik yang disampaikan oleh pensyarah membantu saya menjawab soalan. Ini adalah kerana teknik yang disampaikan oleh pensyarah menepati kehendak saya apabila menjawab soalan berhubung dengan mengenal pasti komponen-komponen ayat.”

(responden 14)

“Ya, teknik yang disampaikan oleh pensyarah dapat membantu saya ketika menjawab soalan komponen-komponen ayat. Ini kerana dengan mendengarteknik yang disampaikan oleh pensyarah, saya lebih berkeyakinan ketika menjawab soalan tentang komponen-komponen ayat”

(responden 1)

Terdapat 5.9% menyatakan teknik yang disampai oleh pensyarah hanya memberi sedikit bantuan kepada mereka. Pernyataan yang diberi adalah seperti berikut:

“Membolehkan saya memahami sedikit komponen-komponen ayat.”

(responden 5)

Manakala 5.9% pula menyatakan pada mulanya mereka berpendapat teknik yang disampai oleh pensyarah tidak membantu dalam menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat, walau bagaimanapun, akhirnya mereka bersetuju dengan keberkesanannya juga, contoh:

“Pada mulanya saya berasa ia tidak membantu, ini kerana saya masih tidak mahir dengan teknik itu. Lama-kelamaan, saya berasa teknik ini agak berguna, saya sudah dapat menjawab soalan dengan tepat.”

(responden 8)

Analisis dapatan dari hasil temubual yang dinyatakan di atas, didapati kebanyakan guru pelatih bersetuju bahawa teknik menganalisis ayat yang disampaikan oleh pensyarah dapat membantu mereka menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat. Cuma masa yang diberi untuk mereka menguasai teknik ini perlu dipanjangkan.

Mengenai persoalan bagaimana pula dengan teknik ‘mnemonic’, 23.5% berpendapat bahawa teknik ‘mnemonic’ ini sangat berkesan dan 70.6% berpendapat bahawa teknik ini berkesan. Mereka menyatakan bahawa teknik ini berkesan kerana mudah dihafal, senang diingati, mempunyai kata-kata kunci dan membantu mengimbas kembali apa yang telah dibelajar, misalnya:

“ ‘Mnemonic’ ini dapat membantu saya semasa menjawab soalan. Ia membantu saya mengimbas kembali dan menyenangkan saya menjawab soalan.”
(responden 6)

“Teknik ‘mnemonic’ telah banyak membantu saya dalam menjawab soalan. Ini adalah kerana ‘mnemonic’ ini senang dihafal. Selain itu, ia juga mempunyai kata-kata kunci. Kata-kata kunci ini membolehkan saya menjawab soalan dengan baik.”
(responden 14)

Daripada mereka yang menyatakan teknik ‘mnemonic’ itu berkesan, terdapat 8.3% dari 70.6% yang telah memberi kenyataan berikut:

“Teknik ‘mnemonic’ memang membantu saya dalam menjawab soalan, tetapi ia digunakan secara umum sahaja. Kami perlu memahami ayat itu dahulu barulah mengetahui apakah yang disebutkan oleh ‘mnemonic’ itu bersesuaian atau tidak.”
(responden 2)

Cuma terdapat 5.9% yang menyatakan teknik ‘mnemonic’ itu tidak membantu dan mengelirukan mereka. Pernyataan yang diberi oleh mereka adalah seperti berikut:

“Kepada saya, teknik ‘mnemonic’ ini tidak membantu langsung, sebaliknya mengelirukan saya lagi. Ini kerana saya telah mempunyai cara yang tersendiri untuk mengingati.”
(responden 7)

Analisis hasil temubual di atas, didapati teknik ‘mnemonic’ ini merupakan satu teknik yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran guru pelatih mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat. Ia mudah dihafal, senang diingati, mempunyai kata-kata kunci dan membantu mengimbas kembali apa yang telah dibelajar. Manakala kepada mereka yang menafikan keberkesanan teknik ini, sebab utama bukan ketidakeberkesanan teknik itu tetapi disebabkan pengetahuan sedia ada mereka telah menyebabkan mereka tidak senang menerima teknik ‘mnemonic’ ini.

Apabila diminta memberi cadangan berhubung dengan langkah mempertingkatkan kemahiran guru pelatih menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal, 70.6% telah mencadangkan supaya latihan dan perbincangan yang banyak perlu diadakan. 23.5% pula mencadang menggunakan teknik ‘mnemonic’ dan berbincang dengan mereka semasa mereka menghadapi masalah dan selepas itu memberi latihan. Manakala 5.9% mencadang membuat kad-kad komponen ayat supaya dapat membuat rujukan apabila perlu.

Analisis dapatan kajian di atas telah menunjukkan walaupun teknik ‘mnemonic’ dapat membantu meningkatkan kemahiran guru pelatih mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal, tetapi ia perlu disusul dengan latihan yang banyak dan perbincangan yang lebih supaya guru pelatih lebih berkeyakinan untuk menjawab soalan berhubung dengan kemahiran ini. Di

samping itu, cara seperti membuat kad-kad komponen ayat untuk dibawa dan dirujuk juga perlu dipertimbangkan supaya guru pelatih dapat mengingati komponen-komponen ayat dengan lebih baik.

RELEKSI

Dalam proses melaksanakan kajian tindakan ini penyelidik merasakan kajian ini masih belum sempurna terutamanya dari segi tempoh pelaksanaan tindakan. Keadaan ini telah menyebabkan keberkesanan tindakan yang diambil tidak begitu menyeluruh dan hanya bermanfaat kepada segolongan guru pelatih semester 3 sahaja. Ini dapat dilihat dalam Jadual 3 di mana terdapat peningkatan tetapi sisihan piawainya masih tinggi. Keadaan ini berlaku disebabkan kesibukan penyelidik dalam tugas-tugas rasmi yang seterusnya menyebabkan kekangan masa untuk menjalankan tindakan berlaku. Walau bagaimanapun, hasil dapatan kajian tindakan ini telah memberi ilham yang memberangsangkan kepada penyelidik untuk menangani masalah yang dihadapi oleh guru pelatih semasa mereka menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen zhuyu, weiyu, binyu, dingyu, zhuangyu dan buyu dalam ayat tunggal Pengajian Cina.

PENUTUP

Untuk mempertingkatkan penguasaan Tatabahasa Pengajian Cina, kemahiran mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal perlu diambil berat. Ia merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh seseorang bakal guru Bahasa Cina demi mempertingkatkan lagi kualiti profesiolismenya. Dalam hal ini, peranan pensyarah sebagai seorang fasilitator adalah amat penting. Pensyarah perlu sentiasa peka dengan keperluan guru pelatih dan kreatif dengan mencuba pelbagai teknik yang dapat membantu guru pelatih, antaranya teknik ‘mnemonic’ yang mudah dan senang dihafal dan tidak kurang keseronakannya.

SENARAI RUJUKAN

- Chinese Independent School Unified Syllabus Committee (1989). *Zhongxue hanyu zhishi*. Kuala Lumpur: United Chinese School Committees' Association of Malaysia (UCSCAM).
- Jin Zhihao (1997). *Zhongguo zhongxuesheng yuwen zhishi daquan*. Shanghai: Yuandong Chubanshe.
- Liao Dingwen (1987). *Xiandai hanyu yufa ru men*. Guizhou: Renmin Chubanshe. Luo Huayan (2003). *Xiandai hanyu yufa*. Ipoh : Penerbit Seni Hijau Sdn. Bhd.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2003). *Huraian sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah: Bahasa Cina tingkatan 2*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Pusat Perkembangan Kurikulum (2004). *Huraian sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah: Bahasa Cina tingkatan 3*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2003). *Huraian sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah: Bahasa Cina tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2004). *Huraian sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah: Bahasa Cina tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

LAMPIRAN A

SOAL SELIDIK

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGENAL PASTI KOMPONEN-KOMPONEN AYAT DALAM AYAT TUNGGAL BAHASA CINA

ARAHAN: Baca maklumat yang disediakan dengan teliti dan tandakan (/) dalam ruang yang anda fikirkan sesuai berdasarkan skala pengukur berikut:

5	Sangat setuju
4	Setuju
3	Tidak pasti
2	Tidak setuju
1	Sangat tidak setuju

- | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|--|--------------------------|--------------------------|--------------------------|--------------------------|--------------------------|
| 1. Teknik mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat yang disampaikan oleh pensyarah membantu saya menjawab soalan. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2. Membaca ayat dengan teliti sebelum menjawab soalan merupakan langkah yang penting. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3. Membahagikan subjek dan prediket terlebih dahulu dapat membantu saya mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat dengan senang. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4. Teknik 'mnemonic' membantu saya mengenal pasti kedudukan komponen-komponen dalam ayat dengan lebih mudah. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5. Latihan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat membantu saya menjawab soalan dengan baik. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 6. Saya lebih yakin menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal dengan teknik menganalisis ayat dan 'mnemonic' | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 7. Dengan adanya 'mnemonic', saya tidak terganggu semasa saya menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat. | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

LAMPIRAN B**BORANG TEMUBUAL**

1. Apakah masalah yang anda hadapi semasa menjawab soalan berhubung dengan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat?

2. Adakah teknik mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat yang disampaikan oleh pensyarah membantu saya menjawab soalan?

3. Bagaimana pula dengan teknik 'mnemonic' ?

4. Apakah langkah yang anda ingin cadangkan supaya guru pelatih dapat menjawab soalan mengenal pasti komponen-komponen dalam ayat tunggal dengan lebih baik lagi?

14. 一大批富于献身精神和创新能力的科学家为我国的现代化建设做出了新贡献.

我从十岁起,便在镇口的咖啡店里当伙计.